

07 JAN 2003

TNB-PENGERUSI/I

TUGAS DI TNB BANYAK PERSAMAAN DENGAN PERBANKAN PUSAT, KATA DR AWANG ADEK

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Dr Awang Adek Hussin, yang menjadi pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB) sejak lebih sebulan lalu, berkata bahawa tugasnya sekarang tidak banyak berbeza daripada tugasnya ketika menyandang jawatan penolong gabenor di Bank Negara Malaysia (BNM) dahulu.

"Memanglah nampak amat berbeza daripada tugas perbankan pusat yang saya jalankan selama 17 tahun lebih. Tetapi sebenarnya ada banyak persamaan khususnya dari sudut pengurusan kanan," katanya.

Beliau memberitahu Bernama dalam satu wawancara bahawa tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk menerajui syarikat utiliti kuasa terbesar di negara ini merupakan satu keistimewaan dan penghormatan besar baginya.

Dr Awang Adek, yang melahirkan rasa terhutang budinya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana melantik beliau menyandang jawatan tersebut berkata, seperti BNM, TNB merupakan sebuah institusi yang amat kukuh dan sihat, serta memiliki budaya kecemerlangan yang mantap.

Bekas penolong gabenor bank pusat itu telah dilantik sebagai pengerusi TNB oleh Kementerian Kewangan pada 1 Disember 2002, bagi menggantikan bekas pengerusinya, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, yang telah dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua pada 21 Nov 2002.

Menyentuh tentang cabaran yang dihadapi oleh perbadanan utiliti negara itu, Dr Awang Adek berkata, dari beberapa segi, ia serupa dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Bank Negara, sama ada dari dalam mahupun dari luar negara.

"Dalam konteks global dan Malaysia sebagai peserta di peringkat antarabangsa, cabaran-cabaran dalam bank pusat atau sebuah organisasi besar seperti TNB, agak sama sahaja.

"Persamaan juga wujud dalam kedua-dua entiti dari segi persaingan yang semakin sengit dan dari segi menangani soal-soal pengurusan hari demi hari serta harapan tinggi orang ramai," katanya. -- BERNAMA

MAD MR KY OS